


Teknologi Pencetakan

PROSES

PRACETAK

Mohd Khairul Azahari Abdul Rani
Sharulnizam Ramli
Mohd Hafizan Ali Bahar



KANDUNGAN

<i>Dedikasi</i>	v
<i>Prakata</i>	ix
<i>Penghargaan</i>	xi
<i>Pengenalalan</i>	xiii
Bab 1: Reka Bentuk Grafik	1
• Pengenalalan Reka Bentuk Grafik	1
• Proses Kerja Reka Bentuk Grafik	7
• Ciri-Ciri Reka Bentuk Grafik yang Baik	8
• Piksel dan Resolusi	9
• Pengurusan Warna dalam Pencetakan	17
• Elemen atau Spesifikasi dalam Mereka Bentuk Susun Atur	41
• <i>Preflight</i> dan PDF	51
Bab 2: Penerbitan Atas Meja (DTP)	59
• Pengenalalan Penerbitan Atas Meja (DTP)	59
• Perisian dan Perkakasan Penerbitan Atas Meja	60
• Artis Penerbitan atas Meja (<i>DTP Artist</i>)	62
• Tugas-tugas Artis Penerbitan Atas Meja	62
• Penyediaan Fail Aplikasi Penerbitan Atas Meja	64

PRAKATA

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana kesempatan yang diberikan oleh-Nya, saya dapat menyiapkan buku *Teknologi Pencetakan Proses Pracetak* ini. Penghasilan buku ini merupakan sebahagian ilmu yang ingin dikongsikan kepada mereka yang berhasrat mengenali proses awal dalam teknologi pencetakan. Penghasilan buku ini juga bertujuan untuk berkongsi ilmu dengan para pelajar Jabatan Teknologi Percetakan, Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) sama ada di peringkat diploma atau sarjana muda. Selain pelajar Teknologi Percetakan UiTM, buku ini amat bermanfaat kepada pelajar Jurusan Media Cetak di Politeknik Malaysia dan kepada semua pelajar Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang mengikuti latihan kemahiran teknologi pencetakan di bawah institusi kemahiran kerajaan atau kolej bertauliah. Selain itu, penghasilan buku ini merupakan lembaran baharu kepada para pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam teknologi pencetakan dalam bahasa Melayu. Ini kerana nota dan buku ilmiah bidang teknologi pencetakan kebanyakannya dalam bahasa Inggeris.

Buku ini menerangkan proses pracetak yang terlibat dalam teknologi pencetakan secara ringkas dan padat. Proses pracetak merupakan proses awal yang perlu dilalui sebelum proses mencetak dan pascacetak sesuatu produk yang ingin diterbitkan. Buku ini boleh dijadikan panduan kepada pelajar dan pengguna teknologi pencetakan tentang proses pracetak.

BAB 1

REKA BENTUK GRAFIK

PENGENALAN REKA BENTUK GRAFIK

Reka bentuk grafik ialah komunikasi visual yang mengandungi kombinasi gambar dan teks tulisan yang membentuk idea reka letak dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat kepada golongan sasaran. Umumnya, rekaan grafik boleh didapati dalam bentuk cetak dan interaktif. Bersesuaian dengan ledakan revolusi industri, pencetakan turut memainkan peranan yang penting dalam proses reka bentuk grafik. Antara reka bentuk grafik yang perlu dicetak ialah penghasilan identiti korporat atau penjenamaan semula, iklan cetak, risalah, kad nama atau kad perniagaan, majalah, poster, buku, label dan pembungkusan.

Teknologi Pencetakan

PROSES

PRACETAK

Di luar sana terdapat pelbagai buku ilmiah dan rujukan tentang bidang teknologi pencetakan dalam bahasa Inggeris. Buku ini dihasilkan bagi meningkatkan kefahaman pelajar dan pengguna teknologi pencetakan dalam bahasa Melayu. Buku ini memfokuskan proses pracetak yang merupakan proses utama dalam teknologi pencetakan produk dan reka bentuk grafik.

Adakah anda tahu bagaimana produk pencetakan dihasilkan? Dengan teknologi pencetakan, anda mampu mencetak beribu-ribu produk seperti pembungkusan, majalah, buku, poster, risalah, nota dan pelbagai lagi.

Kemampuan teknologi pencetakan tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam memperluaskan bidang komunikasi pada semua golongan ini.



**MOHD KHAIRUL AZAHARI
ABDUL RANI (PhD)**

merupakan pensyarah kanan di Jabatan Teknologi Pencetakan, Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Alam. Berpengalaman luas dalam bidang teknologi pencetakan. Pernah dilantik sebagai panel akademik di beberapa institusi pengajian tinggi awam, agensi-agensi kemahiran kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan juga panel industri swasta.



SHARULNIZAM RAMLI (PhD)

merupakan Ketua Jabatan dan Pensyarah Kanan di Jabatan Reka Bentuk Teknologi Kreatif, Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan di Universiti Malaysia Kelantan, Bachok. Beliau aktif menulis dalam kajian berkenaan dengan seni visual, reka bentuk grafik, kreativiti, dan inovasi.



MOHD HAFIZ ALI BAHAR

merupakan staf Jabatan Teknologi Pencetakan, Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Alam. Berpengalaman luas dalam bidang teknologi pencetakan dan kini telah berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana (Penyelidikan) UTM.